

27/11/2000

Parti bertanding semakin hebat berkempen

KULIM, Ahad - Tiga hari menjelang hari pengundian pada Rabu ini seolah-olah terlalu singkat bagi jentera Barisan Nasional (BN) dan pembangkang untuk meneruskan kempen selama lapan hari, bermula Selasa lalu.

Dalam tempoh yang semakin hampir dengan hari pengundian, jentera kedua-dua parti dilihat semakin agresif dalam melaksanakan tugas berkempen seperti menemui pengundi dari rumah ke rumah dan memasang poster serta bendera parti.

Urusan penyelarasan kempen BN berpusat di rumah kedai dua tingkat di Bilik Gerakan BN Taman Seri Seladang manakala bagi Keadilan, ia berpusat di Taman Mewah, iaitu kira-kira satu kilometer dari Bilik Gerakan BN.

Selain MIC yang menempatkan bilik gerakannya di tiga lot kedai dua tingkat di taman terbabit, Umno turut menempatkan petugasnya di tiga lot kedai dua tingkat sejak sebelum penamaan calon, Selasa lalu.

MCA dan Gerakan, masing-masing menempatkan bilik gerakan di pekan Lunas dan Taman Kancil manakala bilik gerakan DAP yang pada mulanya dibuka di Taman Kancil, ditutup Rabu lalu berikutan rasa tidak puas hati petugas DAP terhadap tindakan Keadilan meletakkan calonnya, Saifudin Nasution Ismail untuk menentang calon BN, S Anthonysamy.

Selain penyelarasan utama di kedua-dua pusat terbabit, penyelarasan urusan kempen juga berpusat di semua 19 peti undi, selain bilik gerakan kecil di beberapa kampung dan taman perumahan yang lain.

Tinjauan Berita Harian di sekitar pekan Lunas dan beberapa kawasan peti undi yang dikatakan sebagai kubu kuat BN dan pembangkang sejak kempen bermula Isnin lalu, mendapati bilik gerakan kedua-dua parti tidak pernah sunyi daripada dikunjungi jentera parti.

Berita Harian yang mengikuti kempen BN dari rumah ke rumah di pekan Lunas hari ini mendapati kira-kira 50 petugas BN tidak putus-putus mengedarkan risalah mengenai calon BN kepada penghuni rumah.

Berbekalkan kata-kata "Jangan lupa undi BN," jentera parti bergerak secara pantas ke rumah lain sementara pelbagai jenis kenderaan yang dilekatkan dengan poster Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Anthonysamy bergerak di setiap pelusuk Lunas.

Yang lebih menarik ialah sementara petugas berjalan memasuki pekarangan rumah, ada petugas yang menggunakan alat pembesar suara pada kenderaan masing-masing untuk meminta pengundi supaya memangkah calon BN.

Laungan suara "Hidup Barisan. Hidup BN," berkumandang memenuhi ruang pekan Lunas.

Bagaimanapun, dalam kesibukan petugas BN menjelajah pekan Lunas, bilik gerakan Keadilan di tengah-tengah pekan ini dipenuhi orang ramai yang mengikuti siaran video ucapan pemimpin pembangkang Keadilan dan Pas.

Ucapan pemimpin Pas seperti Ketua Dewan Pemuda Pas Pusat, Mahfuz Omar dan Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Noor mampu didengar hingga selang empat pintu kedai yang sederet dengan bilik gerakan Keadilan.

Sementara itu, pada sebelah malam, pemimpin BN sama ada di peringkat pusat atau negeri mengadakan ceramah bergerak dari satu kawasan ke kawasan yang lain dari jam 9 hingga 12 tengah malam.

Bagi pihak pembangkang, kempen seumpama itu turut dibantu pemimpin tertinggi Pas dan Keadilan serta Parti Rakyat Malaysia (PRM).

BN perlu memastikan kemenangan bagi mengelakkan majoriti dua pertiga BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) hilang akibat kehilangan kerusi Lunas

manakala pembangkang pula tidak mahu melepaskan peluang untuk cuba menafikan majoriti itu.

Kempen yang semakin rancak ini dijangka mencapai kemuncaknya pada malam Selasa ini, iaitu hari terakhir untuk kedua-dua parti berkempen.

(END)